

USIM anjur ekspo produk inovasi Islam

SEREMBAN 31 Mei - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mempergiatkan aktiviti pembangunan produk inovasi Islam tanah air dengan menganjurkan Ekspo Inovasi Islam (i-inova) 2011 di Stadium Tertutup Nilai dekat sini bermula 14 hingga 16 Oktober depan.

Pengerusi program, Prof. Dr. Roslina Abdul Salam berkata, ekspo berbentuk pertandingan itu bertujuan menggalakkan inovasi di kalangan para akademik, penyelidik serta penuntut institusi pengajian tinggi tempatan sekali gus menyumbang kepada pembangunan inovasi produk Islam terkini.

“Kita berharap program ini dapat menjadi platform terbaik kepada peserta untuk melontarkan idea serta reka cipta produk masing-masing sebelum dikomersialkan kepada masyarakat umum.

“Penganjurannya juga adalah bagi memberi peluang kepada masyarakat memahami dan mengetahui perkembangan, penggunaan dan penghasilan produk Islam masa kini,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Roslina, sebanyak enam kategori akan dipertandingkan pada ekspo terbabit iaitu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan, alam bina, bioteknologi perubatan dan pergigian, sains sosial dan kemasyarakatan serta muamalat dan kewangan.

“Penyertaan pula dibahagikan kepada dua kategori iaitu pra siswazah dan terbuka. Penyertaan peserta dari rantau Asia Tenggara turut dialu-alukan,” ujarnya.

Jelasnya lagi, hadiah keseluruhan mencecah RM22,000 menanti para pemenang.

“Tarikh tutup penyertaan adalah pada 12 Ogos depan dan yuran pendaftaran sebanyak RM850 akan dikenakan bagi setiap penyertaan,” katanya.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi talian 06-7987013/7016 atau melayari laman web www.usim.edu.my/i-nova2011.